



## **JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

### **TEKS KHUTBAH**

**Tajuk :**

**“RAKYAT SEPAKAT, NEGARA SELAMAT”**

**Tarikh Dibaca :**

**12 SYAABAN 1442H/  
26 MAC 2021M**

**Disediakan oleh :**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



**“RAKYAT SEPAKAT, NEGARA SELAMAT”**

**12 SYAABAN 1442H / 26 MAC 2021**

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوْبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شَرِّ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا۔  
أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أَهْلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَاهُ بِدَعْوَتِهِ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ۔  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيُكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ  
تُفْلِحُونَ۔ قَالَ تَعَالَىٰ: ﴿يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا لَقِيتُمُ فِتْنَةً فَاثْبُتوْا وَأَذْكُرُوا اللَّهَ  
كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ﴾

### Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Khutbah hari ini bertajuk: **“Rakyat Sepakat, Negara Selamat”** sempena sambutan Peringatan Hari Polis yang Ke-214 Tahun. Khatib juga ingin menyeru kepada semua agar dapat terus mematuhi garis panduan pencegahan Covid-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa dan segera mendaftar penerimaan vaksin Covid-19 kerana inilah antara ikhtiar kita dalam usaha menyekat

penularan wabak ini. Mudah-mudahan dengan usaha kita ini akan dapat menyelamatkan kita dari wabak penyakit yang berbahaya ini.

### **Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Kita sebagai rakyat seharusnya berterima kasih atas jasa dan pengorbanan yang telah dicurahkan oleh anggota polis di negara ini lebih-lebih lagi dalam situasi hari ini, para petugas keselamatan, termasuk anggota polis telah bertungkus-lumus mengawal keselamatan negara dan memastikan kita semua selamat dari ancaman wabak Covid-19.

### **Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Pekerjaan sebagai anggota keselamatan, seperti polis merupakan pekerjaan yang mulia kerana tugas dan tanggungjawabnya memelihara keamanan dan keselamatan awam. Setiap titik peluh dan penat lelah mereka dalam melaksanakan tugas akan diberi pahala yang besar oleh Allah SWT jika mereka ikhlas dan amanah dalam melaksanakan tugas. Kita amat beruntung kerana hidup dalam sebuah negara yang berdaulat dan aman tenteram. Ia merupakan salah satu nikmat yang wajib disyukuri oleh setiap umat Islam.

Tanggungjawab kita bersama ialah menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Ia juga sebenarnya merupakan perintah dari Allah SWT sebagaimana termaktub dalam Surah ali Imran ayat 104:

وَلَئِنْ كُنْتُمْ مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ  
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

**Maksudnya:** “Dan hendaklah ada antara kamu satu golongan yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.”

Justeru, bersama-sama lah kita mengambil peranan dan tanggungjawab menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah perkara-perkara mungkar agar kita semua dapat meraih keberkatan dan rahmat Allah SWT seterusnya mengelakkan dari kemurkaan dan hukuman Allah SWT.

### **Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Melalui minbar Jumaat hari ini, khatib juga ingin mengingatkan kepada anggota polis agar terus melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan ikhlas, amanah dan berintegriti. Pastinya, tugas itu memiliki cabaran yang amat besar. Maka, sabarlah dan bertahanlah atas dasar iman dan takwa kepada Allah SWT. Tingkatkanlah keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT agar ia menjadi benteng yang kukuh dalam diri. Hindarilah segala bentuk pecah amanah, rasuah, dan salah guna kuasa kerana kemungkaran itu hanya akan meruntuhkan dinding keselamatan dan dinding kepercayaan rakyat terhadap anggota keselamatan negara.

Kepada seluruh rakyat pula, sama-sama lah kita berganding bahu dan memberikan kerjasama kepada anggota polis yang melaksanakan tugas mereka. Hormatilah mereka kerana selama ini mereka telah bertarung nyawa melindungi keamanan dan keselamatan negara dari sebarang bentuk ancaman. Allah SWT memerintahkan kita untuk saling membantu sebagaimana tercatat dalam Surah al-Maidah ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ لَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُوانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

**Maksudnya:** "...Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. dan bertakwalah kepada Allah, kerana Sesungguhnya Allah Maha berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya)".

Ingatlah kekuatan pasukan keselamatan dan rakyat merupakan pemangkin kepada benteng keselamatan dan keamanan negara. Tanpa sokongan padu semua pihak, kesejahteraan dan kemakmuran negara tidak akan tercapai. Hubungan antara polis dan rakyat boleh disifatkan bagi aur dengan tebing yang saling membantu, saling memerlukan dan saling mengukuhkan antara satu sama lain. Hubungan yang baik antara polis dan masyarakat awam pastinya akan mewujudkan suasana harmoni dan saling menghormati antara satu sama lain.

Kesimpulannya, beberapa pengajaran yang boleh kita ambil dari khutbah yang telah disampaikan, iaitu:

**Pertama:** Pasukan Polis Diraja Malaysia merupakan tunjang utama keselamatan negara yang diwujudkan sejak dahulu selari dengan tuntutan pentadbiran sebuah negara Islam.

**Kedua:** Jasa para perwira negara dalam menjamin keselamatan serta membantu pembangunan negara amat besar dan perlu dikenang dan dihargai.

**Ketiga:** Kekuatan fizikal anggota polis perlu disertai dengan kekuatan spiritual bagi memastikan anggota polis tidak terjerumus kepada salah guna kuasa, rasuah dan pecah amanah.

**Keempat:** Menjadi tanggungjawab seluruh rakyat untuk bersatu berganding bahu dalam usaha mempertahan keamanan dan kedaulatan negara tercinta ini.

Sabda Rasulullah S.A.W :

عَيْنَانِ لَا تَمْسُّهَا النَّارُ : عَيْنَ بَكْتٍ مِنْ خَشْيَةِ اللَّهِ ، وَعَيْنَ بَاتٍ تَحْرُسُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ

**Maksudnya:** “Dua mata yang tidak akan disentuh oleh api neraka: Mata yang menangis kerana takutkan Allah, dan mata yang berjaga kerana menjaga perjuangan pada jalan Allah.” (Hadis riwayat al-Tirmidzi)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعِنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ، وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتغْفِرُ اللَّهَ

الْعَظِيمُ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى أَهْلِهِ  
وَاصْحَাইِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالْتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكِكُتُهُ وَيُصْلِّونَ عَلَى  
النَّبِيِّ يَسِّيَّهَا الَّذِينَ ظَاهَرُوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى  
آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.  
وَأَرْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابَعِينَ وَتَابِعِيِّ  
الْتَّابَعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَأَرْضَ عَنَا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِي بِدَوَامَ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلَكَنَا كَبَاوَهُ دُولِي يُعِيشُ هَاهَا مُولِيَا سَرِي فَدوَكَ بِكِينِدا يُعِيشُ دَفْرُتوانَ اَكْنُوْغُ، السُّلْطَانُ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهُ اَبْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانُ حَاجُ اَخْمَدُ شَاهُ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دُولِي يُعِيشُ هَاهَا مُولِيَا سَرِي فَدوَكَ بِكِينِدا رَاجِ فِرْمَايِسُورِي اَكْنُوْغُ، تُونِكُو (Tunku) حَاجَهُ عَزِيزَةُ اَمِينَةُ مِيمُونَةُ إِسْكَنْدَرِيَّةُ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانُ إِسْكَنْدَرُ الْحَاجُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَّرَاءَهُ وَقَضَاهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالَيْزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٌ وَآمَانٌ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاحْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِيْ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفَتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مَنْ بَلَدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلَادَنَا الْمُسْلِمِينَ عَامَةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجَنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar Engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami dapat melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu juga Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعْلَكُمْ تَذَكَّرُونَ<sup>٦٠</sup>  
فَادْعُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.